

**PENERIMAAN GURU-GURU BAHASA MELAYU TERHADAP
BIMBINGAN DAN PEMENTORAN JURULATIH SISC+
(The Acceptance Malay Language Teachers toward Guidance and
Mentoring by SISC+ Coaching**

Noel Jimbai Anak Balang
Pejabat Pendidikan Daerah Selangau, SibU
Kementerian Pendidikan Malaysia
noel_jimbai@yahoo.com

Zamri bin Mahamod, Ph.D
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
d-zam@ukm.edu.my (Koresponden)

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi serta penerimaan guru Bahasa Melayu terhadap bimbingan dan pementoran oleh jurulatih SISC+. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti kesan bimbingan dan pementoran terhadap proses pembelajaran dan pengajaran di dalam bilik darjah setelah dibimbing oleh jurulath SISC+. Satu set soal selidik yang mengandungi 22 item telah diedarkan kepada 31 orang guru Bahasa Melayu di 23 buah sekolah di daerah Selangau, SibU, Sarawak. Statistik yang digunakan ialah statistik deskriptif yang melibatkan frekuensi, skor min, sisihan piawai dan peratusan. Dapatan kajian mendapati persepsi serta kesan bimbingan dan pementoran jurulatih SISC+ terhadap guru Bahasa Melayu skor adalah pada tahap tinggi dengan min 4.40. Berdasarkan dapatan ini jelas membuktikan peranan jurulatih SISC+ sebagai pembimbing guru telah diterima dengan baik. Implikasi kajian ini ialah kewujudan jawatan jurulatih SISC+ ini memberi kesan positif dalam meningkatkan kemahiran dan profesionalisme keguruan dalam kalangan guru Bahasa Melayu.

Kata kunci: *Jurulatih Pakar Pembangunan Sekolah, bimbingan, mentoran, guru Bahasa Melayu*

PENGENALAN

Jurulatih Pakar Pembangunan Sekolah atau *School Improvement Specialist Coach+* (SISC+) merupakan jawatan baharu di bawah inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM 2013) yang bertujuan membimbing guru agar dapat melahirkan golongan pendidik yang mempunyai kemahiran tinggi selaras perkembangan semasa. Program bimbingan khas kepada guru berkeperluan tersebut bertujuan menjadikan aspek pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) lebih menarik dan

berkesan. Dalam konteks ini, guru juga dibimbing agar membudayakan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam kalangan pelajar. Jawatan SISC pada mulanya hanya dilantik dalam kalangan guru cemerlang dan telah dilaksanakan secara rintis di Sabah dan Kedah dalam tahun 2012. Bidang bimbingan dan pementoran masih sangat baharu dalam sistem pendidikan negara. Penyelidikan secara empirikal terhadap bidang ini masih amat kurang dijalankan terutama kajian dalam bahasa Melayu.

Menurut Saemah dan Zamri (2016), kecemerlangan pelajar amat berkait rapat dengan kompetensi, kreativiti, pengetahuan dan kemahiran guru serta keberkesanan aktiviti pembelajaran dan pengajaran di dalam bilik darjah. Justeru, satu sistem kawalan seperti membuat pemerhatian, melakukan penyeliaan terhadap pengajaran guru serta membaiki kesilapan dan kelemahan peranan guru amat diperlukan untuk memastikan kualiti pengajaran dan kompetensi guru adalah bersesuaian dengan kehendak dan matlamat pendidikan. Dalam konteks ini, jurulatih SISC+ berperanan membantu guru dalam usaha mempertingkatkan kualiti pengajaran mereka. Kualiti pengajaran guru dapat ditingkatkan melalui penyusunan strategi yang berkesan hasil daripada maklum balas penyeliaan bimbingan yang dilakukan (Zamri 2014).

PERNYATAAN MASALAH

Banyak diperkatakan tentang perlunya bimbingan dan pementoran dilaksanakan oleh SISC+ terutamanya dalam usaha mempertingkatkan prestasi pengajaran guru di dalam bilik darjah. Ketidakjelasan dan ketidakfahaman proses bimbingan dan pementoran akan menyebabkan bimbingan yang dijalankan diberikan tanggapan yang negatif oleh guru-guru semata-mata sebagai helah untuk mencari kesalahan. Zamri (2016) berpendapat bahawa tingkah laku guru yang dibimbing oleh berubah melalui bimbingan yang berkesan kerana guru dapat mengubah tingkah laku mereka memberikan pengajaran yang lebih baik sekiranya dibimbing secara sistematik. Menurut beliau, penyeliaan klinikal adalah untuk menambahbaik proses PdPc guru. Zamri, Norasmah dan Mohammed Sani (2008) dan Nieto (2014) pula menyatakan bahawa penyeliaan bimbingan merupakan satu usaha untuk mendorong, menyelaras dan membimbing para guru dalam PdPc supaya mereka lebih berupaya melakukan semua fungsi berkaitan pengajaran. Menyedari pentingnya penyeliaan bimbingan dan pementoran dalam menentukan keberkesanan pelaksanaan pengurusan kurikulum, kebanyakan sekolah telah menjadikan proses penyeliaan bimbingan oleh jurulatih SISC+ adalah sesuatu yang perlu.

Selain itu, kajian yang melibatkan jurulatih SISC+ secara umum dan jurulatih SISC+ Bahasa Melayu kurang dikaji, terutamanya yang melihat daripada perspektif guru. Kajian mutakhir dilakukan oleh Sarabiah (2016) yang mengkaji tanggapan, amalan dan kesan bimbingan jurulatih SISC+ Bahasa Melayu terhadap guru-guru Bahasa Melayu di Zon Bangsar dan Pudu, Kuala Lumpur. Dapatan kajian Sarabiah ini menunjukkan bahawa guru-guru Bahasa Melayu memberikan tanggapan positif terhadap amalan dan bimbingan jurulatih SISC+ Bahasa Melayu terhadap kualiti pengajaran mereka (guru). Namun demikian, kajian Sarabiah dilakukan di Semenanjung dan belum ada satu kajian yang khusus mengkaji SISC+ dalam mana-mana mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di Sarawak mahupun Sabah.

Persoalannya adakah penyeliaan bimbingan yang dijalankan oleh jurulatih SISC+ dapat diterima oleh guru yang dibimbing. Adakah jurulatih SISC+ menggunakan pendekatan dan kaedah bimbingan yang berkesan? Jikalau penyeliaan bimbingan yang dijalankan oleh SISC+ mengikut masa yang ditetapkan, timbul juga persoalan adakah penyeliaan bimbingan tersebut akan memberikan impak terhadap profesionalisme keguruan dan kemenjadian pelajar di sekolah? Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap penerimaan guru-guru Bahasa Melayu di daerah Selangau, Sarawak terhadap bimbingan dan mentorani jurulatih SISC+ terhadap kualiti pengajaran mereka.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengetahui tahap penerimaan guru Bahasa Melayu yang telah dibimbing jurulatih SISC+ dari segi keperibadian dan hubungan profesional.
2. Mengetahui kesan bimbingan dan pementoran yang diberikan terhadap guru Bahasa Melayu setelah menerima bimbingan dan pementoran jurulatih SISC+.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini ialah kajian tinjauan. Reka bentuk kajian merupakan teknik dan kaedah bagi memperoleh maklumat yang diperlukan untuk menyelesaikan masalah. Mohd Majid (2008) menyatakan reka bentuk sesuatu penyelidikan membincangkan bagaimana objektif kajian boleh dicapai. Creswell (2008) menyatakan reka bentuk kajian tinjauan merupakan prosedur dalam kajian kuantitatif dan kualitatif. Penyelidik menjalankan

tinjauan ke atas subjek kajian atau seluruh populasi untuk menggambarkan penerimaan terhadap sikap, pendapat, tingkah laku atau ciri dalam populasi itu. Tujuan kajian tinjauan ini adalah untuk mengenal pasti tahap penerimaan bimbingan dan mentorani terhadap guru-guru Bahasa Melayu yang dibimbing oleh SISC+.

Populasi dan Pensampelan

Populasi dalam kajian ini merupakan semua guru Bahasa Melayu di dalam daerah Selangau, Sibn, Sarawak yang telah menerima bimbingan dan pementoran daripada SISC+. Sampel guru dipilih secara pensampelan bertujuan. Justeru, seramai 31 orang guru Bahasa Melayu yang telah menerima bimbingan dan pementoran minimum tiga kali dalam setahun dipilih sebagai sampel kajian. Menurut Kriejice dan Morgan (1970), jumlah sampel yang minimum untuk penyelidikan adalah 30 orang responden atau lebih. Maka jumlah subjek kajian untuk kajian ini adalah memadai.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Bagi memudahkan proses pemerolehan data untuk kajian ini, instrumen soal selidik dipilih. Hal ini kerana instrumen soal selidik ini dapat mencapai responden yang berada di lokasi kajian dengan mudah. Sementara, kosnya juga agak rendah berbanding dengan kaedah pengumpulan data yang lain. Pada masa yang sama proses pengumpulan data mengambil masa yang sedikit seperti yang dikehendaki oleh kajian (Mohd Majid 2008).

Instrumen kajian telah dibangunkan oleh pengkaji berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM 2013), Standard Guru Malaysia (KPM 2010), Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (2010) dan Bidang Keberhasilan Utama Negara (Pemandu 2011). Pengkaji telah membuat sedikit perubahan dan penambahan untuk memastikan setiap perkataan dan istilah yang digunakan dalam soal selidik mempunyai maksud yang jelas dan mempunyai maklumat yang lengkap untuk digunakan sebagai alat penyelidikan. Hal ini turut membolehkan soalan dalam soal selidik dapat difahami dengan jelas oleh responden.

Soalan dalam kajian ini terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian A untuk demografi responden, Bahagian B untuk aspek penerimaan guru Bahasa Melayu yang dibimbing dan Bahagian C tentang kesan bimbingan dan pementoran oleh SISC+. Skala Likert 5 gunakan dalam mengukur tahap penerimaan dan bimbingan guru Bahasa Melayu ini. Kajian rintis telah

dijalankan untuk mengukur kesahan dan kebolehpercayaan item instrument yang dibangunkan. Hasil kajian rintis mendapati nilai pekali alpha Cronbach ialah 0.969. Sekiranya kebolehpercayaan melebihi 0.8, maka nilai ini didapati memadai untuk diterima sebagai tahap kebolehpercayaan yang sesuai untuk sesuatu instrumen (Chua Yan Piaw 2011).

Kaedah Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data bagi kajian ini dimulai dengan menentukan tajuk kajian. Penyelidik juga telah mengumpul bahan dengan membuat kajian pustaka. Penyelidik turut mendapatkan data daripada sampel kajian melalui borang soal selidik respons terbuka. Seterusnya penyelidik turut mendapatkan maklumat daripada Pejabat Pendidikan Daerah Selangau tentang pemilihan sekolah dan subjek kajian. Penyelidik turut mendapatkan maklumat daripada pegawai SISC+ Bahasa Melayu sekolah rendah untuk mendapatkan maklumat penting yang diperlukan sepanjang menjalankan kajian ini. Penyelidik juga telah mendapat kebenaran daripada Tuan Pegawai Pendidikan Daerah Selangau dan seterusnya daripada beberapa guru besar dan pengetua sekolah. Sampel kajian juga turut dimaklumi tentang hasrat penyelidik yang inginkan mereka sebagai sampel kajian bagi menjayakan penyelidikan ini. Melalui soal selidik respons terbuka penyelidik mengedarkan soalan tersebut kepada lapan orang subjek kajian yang terpilih sahaja. Terdapat lapan soalan respons terbuka yang perlu dijawab oleh subjek kajian.

Analisis Data

Data mentah yang dikumpul akan dianalisis mengikut tata cara analisis data yang betul untuk mendapatkan dapatan yang berkualiti dan mempunyai kesahan dapatan yang tinggi. Statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis profil responden dan borang soal selidik. Maklumat dalam soal selidik tersebut diterjemahkan dalam bentuk min, sisihan piawai dan peratusan menggunakan SPSS versi 23.0. Bagi menentukan kesahan min, penskoran min oleh Jamil (2002) telah digunakan seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Pentaksiran skor min

Nilai Min	Tahap
3.67 hingga 5.00	Tinggi
2.67 hingga 3.66	Sederhana
1.00 hingga 2.66	Rendah

DAPATAN KAJIAN

Profil Demografi Kajian

Kajian ini melibatkan seramai 31 orang guru bahasa Melayu yang mengajar di sekolah rendah dan menengah di daerah Selangau, Sarawak.

Jadual 2: Taburan demografi sampel kajian

Sampel Kajian	Kategori	Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	13	41.9
	Perempuan	18	58.1
Asal negeri	Sarawak	19	61.3
	Semenajung Malaysia	11	35.4
	Sabah	1	3.2
Jenis sekolah	Sekolah kebangsaan (SK)	20	64.5
	Sekolah jenis kebangsaan (SK)	2	6.4
	Sekolah menengah kebangsaan (SMK)	9	29.0
Gred jawatan	DGA32	1	3.2
	DGA34	2	6.5
	DG38	1	3.2
	DG41/42	26	83.9
	DG44	1	3.2
Pengalaman mengajar	Kurang 5 tahun	25	80.6
	6 hingga 10 tahun	1	3.2
	11 hingga 15 tahun	5	16.1
	16 tahun ke atas	0	-
Kelayakan akademik	Guru siswazah	26	83.9
	Guru bukan siswazah	5	16.1
Mengajar sebagai	Opsyen	18	58.1
	Bukan opsyen	13	41.9

Berdasarkan Jadual 2, kategori jenis sekolah seramai 20 orang (64.5%) subjek kajian adalah guru-guru yang mengajar di sekolah rendah kebangsaan, manakala untuk sekolah rendah jenis kebangsaan cina seramai 2 orang (6.45%). Bagi sekolah menengah seramai 9 orang (29.0%) subjek kajian terlibat dalam kajian ini. Untuk kategori gred jawatan DGA 32 seorang (3.2%), DGA 34 seramai 2 orang (6.5%), DG 38 seorang (3.2%), DG41/42 seramai 26 orang (83.9, manakala DG 44 seramai seorang (3.2%). Berdasarkan data ini didapati guru dari kategori gred jawatan Dg 41/42 paling ramai dibimbing oleh SISC+, iaitu 26 orang (83.9%), manakala yang paling kurang ialah gred DGA 32, DGA 34 dan DG 44 iaitu 3.2%.

Dari segi jantina seramai 13 orang (41.9) subjek kajian ialah guru lelaki, manakala 18 orang (58.1%) ialah guru perempuan. Hal ini menunjukkan bilangan guru perempuan lebih ramai dibimbing oleh pengkaji. Seramai 19 orang (61.3%) subjek kajian berasal dari Sarawak, 11 orang (35.4%) Semenanjung Malaysia dan seorang (3.2%) berasal dari negeri Sabah. Berdasarkan peratusan ini didapati guru-guru yang berasal dari Sarawak lebih ramai dibimbing oleh SISC+.

Dari segi pengalaman mengajar peratusan tertinggi ialah subjek kajian yang mempunyai pengalaman mengajar antara 0-5 tahun seramai 25 orang (80.6%), kedua tinggi ialah mereka yang berpengalaman 11-15 tahun seramai 5 orang (16.1%), manakala 6-10 tahun (3.1%). Seramai 26 orang (83.9%) subjek kajian adalah guru siswazah, manakala 5 orang (16.1%) bukan guru siswazah. Seramai 18 orang (58.1%) mengajar mengikut opsyen Bahasa Melayu, manakala 13 orang (41.9%) mengajar tidak mengikut opsyen. Berdasarkan data ini didapati guru yang memiliki ijazah dan mengajar mengikut opsyen paling ramai dibimbing oleh SISC+.

Tahap Penerimaan Guru Bahasa Melayu terhadap Keperibadian Jurulatih SISC+

Jadual 3 menunjukkan statistik deskriptif yang berkaitan dengan tahap penerimaan guru Bahasa Melayu yang dibimbing terhadap keperibadian SISC+. Analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai digunakan bagi menentukan tahap penerimaan penerimaan guru Bahasa Melayu yang dibimbing terhadap bimbingan dan pementoran yang dijalankan oleh SISC+. Secara keseluruhan, min keseluruhan ialah 4.403 dengan sisihan piawai 0.615, iaitu berada pada tahap tinggi. Hal ini bermakna guru-guru Bahasa Melayu yang dibimbing berpendapat jurulatih SISC+ mereka mempunyai keperibadian yang tinggi. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah item 4 "*SISC+ memuji usaha saya untuk memantapkan PdPc*" dan item 6, iaitu "*SISC+ menggunakan aras bahasa yang bersesuaian*" dengan min 4.48 dan $sp = 0.570$. Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan seramai 2 orang guru yang dibimbing (6.45%) untuk item kurang setuju, seramai 14 orang (45.2%) untuk setuju, seramai 16 orang (51.6%) untuk sangat setuju, manakala sifar (0%) untuk tahap sangat tidak setuju. Item yang mempunyai min terendah ialah item 1, iaitu "*SISC+ peka kepada perasaan saya*" dengan min 4.23 dan $sp = 0.617$. Dari segi kekerapan dan peratusan seramai 3 orang (9.7%) untuk kurang setuju, seramai 18 orang (58.1%) setuju, manakala seramai 10 orang (32.2%) sangat setuju.

Jadual 3: Tahap penerimaan guru Bahasa Melayu yang dibimbing terhadap keperibadian SISC+

Bil.	Item	STS	TS	KS	S	SS	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1.	Peka kepada perasaan saya.	-	-	3 9.7%	18 58.1%	10 32.2%	4.23	0.617	Tinggi
2.	Menghormati pendapat saya.	-	1 3.2%	0 0.0%	20 64.5%	10 32.2%	4.26	0.631	Tinggi
3.	Sentiasa menepati masa mengikut jadual bimbingan.	-	-	3 9.7%	16 51.6%	12 38.7%	4.29	0.643	Tinggi
4.	Memuji usaha saya untuk memantapkan PdP.	-	-	1 3.2%	14 45.2%	16 51.6%	4.48	0.570	Tinggi
5.	Menggunakan nada suara yang bersesuaian semasa perbincangan.	-	-	1 3.2%	15 48.4%	15 48.4%	4.45	0.568	Tinggi
6.	Menggunakan aras bahasa yang bersesuaian.	-	-	1 3.2%	14 45.2%	16 51.6%	4.48	0.570	Tinggi
7.	Memberi tumpuan semasa saya bercakap.	-	-	3 9.7%	14 45.2%	14 45.2%	4.35	0.661	Tinggi
8.	Selesa berbual bersama	-	-	3 9.7%	14 45.2%	14 45.2%	4.35	0.661	Tinggi
Min Keseluruhan							4.40	0.615	Tinggi

STS – Sangat tidak setuju, TS – Tidak setuju, KS – Kurang setuju, S – Setuju, SS – Sangat setuju

Tahap Penerimaan Guru Bahasa Melayu dalam Aspek Hubungan Profesional dengan SISC+

Jadual 4 membincangkan tahap penerimaan guru yang dibimbing berdasarkan aspek hubungan professional SISC+ dengan guru Bahasa Melayu yang dibimbingnya. Secara keseluruhan, tahap penerimaan guru yang dibimbing Bahasa Melayu adalah tinggi, iaitu 4.40 dan sisihan piawai 0.587.

Dapatan kajian bagi item 3, iaitu “SISC+ boleh dihubungi dengan pelbagai cara” adalah paling tinggi nilai min yang diperolehi, iaitu min 4.42 dan $sp = 0.620$. Seramai 1 orang (3.2%) kurang setuju, manakala selebihnya 15 orang (48.4%) memilih setuju dan 15 orang (48.4%) untuk sangat setuju. Item paling rendah dalam bahagian ini ialah item 4, iaitu “Saya mudah berbicara

dengan SISC+” dengan min 4.32 dan $sp = 0.541$. Seorang (3.2%) kurang setuju, 19 orang (61.3%) setuju dan 11 orang (35.5%) sangat setuju tentang kepentingan mewujudkan hubungan profesional dengan jurulatih SISC+.

Jadual 4: Tahap penerimaan guru Bahasa Melayu yang dibimbing dari aspek hubungan profesional dengan SISC+

Bil.	Item	STS	TS	KS	S	SS	Min	S.P	Tahap
1.	Saya akan terus bekerjasama dengan SISC+	-	-	2 6.5%	14 45.2%	15 48.4%	4.42	0.620	Tinggi
2.	Saya percaya kepada rubrik TCT SISC+.	-	-	2 6.5%	14 45.2%	15 48.4%	4.42	0.620	Tinggi
3.	SISC+ boleh dihubungi dengan pelbagai cara.	-	-	1 3.2%	15 48.4%	15 48.4%	4.45	0.568	Tinggi
4.	Saya mudah berbicara dengan SISC+.	-	-	1 3.2%	19 61.3%	11 35.5%	4.32	0.541	Tinggi
Min Keseluruhan							4.40	0.587	Tinggi

Kesan Bimbingan dan Pementoran Sisc+ Bahasa Melayu terhadap Guru yang Dibimbing

Jadual 5 membincangkan 11 item untuk mengetahui kesan bimbingan dan pementoran yang dilaksanakan oleh SISC+. Secara keseluruhan, didapati setiap item dalam aspek kesan bimbingan dan pementoran terhadap guru yang dibimbing berada pada tahap tinggi. Dapatan kajian menunjukkan terdapat dua item yang mempunyai skor min pada tahap tinggi, iaitu item 3 dan 7. Item 3, iaitu “SISC+ memberi motivasi untuk melaksanakan tugas” dengan min 4.55 dan $sp = 0.584$. Seramai 1(3.2%) kurang setuju, 12 orang (38.7%) setuju, manakala 18 orang (58.1%) sangat setuju. Bagi item 7, iaitu “SISC+ menyokong pendekatan pengajaran yang inovatif” dengan min 4.55 dan $sp=0.568$. Item terendah nilai min ialah item 9, iaitu “SISC+ menjalankan latihan berdasarkan keperluan saya” dengan min 4.32 dan $sp = 0.599$, tetapi masih pada tahap tinggi. Secara keseluruhan, min keseluruhan ialah 4.43 dengan sisihan piawai 0.593. Hasil dapatan ini menggambarkan bahawa guru Bahasa Melayu yang telah dibimbing telah dapat menerima kehadiran SISC+ sebagai mentor mereka. Di samping itu, kesan bimbingan dan pementoran telah mengubah pendekatan, kaedah, dan teknik dalam PdPc guru-guru Bahasa yang dibimbing oleh SISC+ ini.

Jadual 5: Tahap kesan bimbingan dan pementoran terhadap guru yang dibimbing oleh SISC+ Bahasa Melayu

Bil.	Item	STS	TS	KS	S	SS	Min	S.P	Tahap
1.	SISC+ sentiasa memberi respons kepada pertanyaan saya.	-	-	1 3.2%	16 51.6%	14 45.2%	4.42	0.564	Tinggi
2.	SISC+ menjelaskan sesuatu perkara sehingga saya faham.	-	-	2 6.5%	13 41.9%	16 51.6%	4.45	0.624	Tinggi
3.	SISC+ memberi motivasi untuk melaksanakan tugas.	-	-	1 3.2%	12 38.7%	18 58.1%	4.55	0.584	Tinggi
4.	SISC+ berkongsi pengalaman bagi meningkatkan pengetahuan.	-	-	1 3.2%	13 41.9%	17 54.8%	4.52	0.570	Tinggi
5.	SISC+ mencadangkan bahan bacaan/ rujukan berkaitan mata pelajaran.	-	-	3 9.7%	14 45.2%	14 45.2%	4.35	0.661	Tinggi
6.	SISC+ mencadangkan bahan bacaan/ rujukan berkaitan mata pelajaran.	-	-	1 3.2%	15 48.4%	15 48.4%	4.45	0.568	Tinggi
7.	SISC+ mencadangkan bahan bacaan/ rujukan berkaitan mata pelajaran.	-	-	1 3.2%	12 38.7%	18 58.1%	4.55	0.568	Tinggi
8.	SISC+ mencadangkan bahan bacaan/ rujukan berkaitan mata pelajaran.	-	-	1 3.2%	18 58.1%	12 38.7%	4.35	0.551	Tinggi
9.	SISC+ mencadangkan bahan bacaan/ rujukan berkaitan mata pelajaran.	-	-	2 6.5%	17 54.8%	12 38.7%	4.32	0.599	Tinggi
10.	SISC+ mencadangkan bahan bacaan/ rujukan berkaitan mata pelajaran.	-	-	2 6.5%	15 48.4%	14 45.2%	4.39	0.615	Tinggi
11.	SISC+ mencadangkan bahan bacaan/rujukan berkaitan mata pelajaran.	-	-	2 6.7%	14 46.7%	14 46.7%	4.40	0.621	Tinggi
Min Keseluruhan							4.43	0.593	Tinggi

PERBINCANGAN

Secara keseluruhan, hasil kajian menunjukkan guru-guru Bahasa Melayu yang dibimbing oleh SISC+ dapat menerima bimbingan dan pementoran yang dilaksanakan pada tahap tinggi dengan memperoleh min 4.40. Kedua-dua item soal selidik didapati berada pada tahap tinggi. Persepsi terhadap

keperibadian SISC+ dan penerimaan GDB masing-masing memperoleh min 4.40, manakala kesan bimbingan dan pementoran memperoleh min 4.43. Hal ini membuktikan guru-guru Bahasa Melayu menyedari keperluan untuk memantapkan kemahiran dan kualiti pengajaran ke tahap yang optimum. Dengan menerima bimbingan dan pementoran daripada SISC+ guru-guru Bahasa Melayu yakin mereka dapat meningkatkan kemahiran dalam aspek kurikulum, pedagogi dan pentaksiran. Bimbingan dan pementoran yang dilaksanakan dianggap pemangkin ke arah kemenjadian pelajar.

Dapatan kajian ini menyamai beberapa kajian terdahulu seperti kajian Shamsudin dan Kamarul Azmi (2011) dalam kajian tentang peranan guru pembimbing terhadap guru-guru novis. Kesemua kajian ini mendapati bahawa guru-guru novis terutama mereka yang baharu setahun hingga lima tahun pengalaman mengajar masih memerlukan bimbingan atau mentor dalam kalangan guru pakar atau guru berpengalaman. Kajian juga membuktikan guru-guru novis masih berada pada tahap rendah untuk kemahiran pentaksiran, pedagogi dan kurikulum. Ini membuktikan guru-guru novis dan kurang berpengalaman amat memerlukan bimbingan dan pementoran daripada SISC+ atau guru mentor di sekolah.

Syed Ismail (2010), menjalankan kajian bagi mengenal pasti amalan bimbingan pengajaran pensyarah dan guru pembimbing dalam PdPc dengan responden terdiri daripada 535 orang guru pelatih, 144 orang pensyarah dan 159 orang guru pembimbing. Kajian ini dibuat secara kuantitatif dan kualitatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan bimbingan pengajaran bagi pensyarah dan guru pembimbing yang paling dominan ialah aspek pelaksanaan pengajaran dengan min 4.59. Secara tidak langsung kajian ini menunjukkan guru-guru pelatih sangat memerlukan bantuan dan bimbingan yang berterusan ke arah memantapkan lagi proses PdPc mereka. Kajian ini selaras dengan kajian yang dibuat oleh Sarabiah (2016) yang mendapati tanggapan dan amalan SISC+ di Zon Bangsar dan Pudu telah diterima dengan baik oleh guru-guru Bahasa Melayu.

Daripada dapatan kajian ini dapat dirumuskan bahawa guru-guru sebenarnya masih memerlukan bimbingan secara berterusan untuk memantapkan lagi mutu pengajaran di dalam bilik darjah. Dalam konteks ini peranan SISC+ dianggap dapat mentransformasikan gaya dan corak pengajaran guru ke arah yang lebih menekankan kemahiran dan proses pencarian ilmu. Usaha bagi pihak guru perlu dilakukan secara berterusan bagi meningkatkan kemahiran guru untuk melaksanakan PdP yang berkesan

di dalam bilik darjah. Usaha ini selain dapat membantu guru meningkatkan kualiti pengajaran secara tidak langsung juga membantu pelajar mencapai objektif pembelajaran dan kemahiran yang dihasratkan dalam PPPM (Aniza & Zamri 2015).

Kajian ini memberikan gambaran bahawa SISC+ perlu memiliki aspek kemahiran dan pengetahuan dari segi ilmu pentaksiran, pedagogi dan kurikulum. Guru yang dibimbing tentunya mengharapkan SISC+ dapat membantu meningkatkan tahap profesionalisme mereka ke tahap yang optimum. Oleh itu, dalam usaha untuk mencapai kualiti bimbingan dan pementoran yang berkesan usaha penambahbaikan dan peningkatan kemahiran membimbing dalam kalangan SISC+ perlu dimantapkan dari semasa ke semasa sejajar dengan keperluan pendidikan abad ke-21. Usaha yang menyeluruh dan bersepadu perlu diambil oleh semua pihak yang terlibat iaitu pembuat dasar, guru, pentadbir sekolah, SISC+, pegawai Jabatan Pendidikan Negeri dan KPM tentunya. Kajian yang dijalankan memberi sumbangan yang amat penting untuk para SISC+ di seluruh negara membuat refleksi terhadap kualiti bimbingan dan pementoran yang dijalankan. Aspek bimbingan yang perlu diberikan perhatian ialah aspek pengetahuan untuk membimbing, kemahiran komunikasi, serta kemahiran dari segi penggunaan pelbagai sumber dan media pengajaran terutamanya kemahiran dari segi penggunaan teknologi maklumat.

IMPLIKASI KAJIAN

Meskipun dalam kajian yang dijalankan guru-guru Bahasa Melayu telah menerima SISC+ dengan baik, namun ini tidak bermakna pihak pembuat dasar berasa puas hati. Mereka harus menjadikan kajian ini dan kajian-kajian lain sebagai kayu ukur untuk menilai keberkesanan program yang dilaksanakan dari semasa ke semasa. Pembuat dasar bukan sahaja bertindak memberi kursus, malahan melaksanakan bimbingan dan pementoran yang berkualiti secara praktikal seiring dengan penyampaian maklumat secara teori bagi memantapkan lagi kemahiran membimbing dalam kalangan SISC+. Pihak pembuat dasar yang terdiri daripada KPM seharusnya berterusan memperkasa kemandirian membimbing dalam kalangan SISC+. Selain itu, pihak pembuat dasar seharusnya memberi latihan yang berkesan dan praktikal kepada SISC+ untuk meningkatkan lagi kemahiran mereka.

Selain itu, pihak pentadbir sekolah juga bertanggungjawab dalam memastikan guru-guru di sekolah memberikan kerjasama dan bersikap terbuka terhadap SISC+ yang datang ke sekolah untuk mengadakan

pemerhatian PdPc di dalam bilik darjah. Para pentadbir sekolah seharusnya menggunakan kepakaran yang dimiliki oleh SISC+ sebaik mungkin ke arah meningkatkan tahap profesionalisme guru-guru di sekolah. Melalui kerjasama dan amalan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) yang wujud antara pihak pentadbir dan SISC+ diharap memberikan impak yang positif terhadap PdPc guru.

Berdasarkan kajian yang dijalankan guru-guru Bahasa Melayu dapat menerima bimbingan dan pementoran yang diberikan oleh SISC+. Hal ini memberi implikasi kepada guru-guru Bahasa Melayu untuk melakukan transformasi dalam pengajaran mereka dengan hati terbuka dan penuh tanggungjawab. Mereka perlu sentiasa bersedia menambah kemahiran dan pengetahuan untuk memantapkan lagi kualiti pengajaran. Guru-guru Bahasa Melayu juga harus sentiasa kreatif dan berinformasi serta memberikan kerjasama kepada pelbagai pihak terutamanya SISC+. Hubungan yang bersifat profesional antara guru Bahasa Melayu dan SISC+ tentunya memberikan impak yang positif terhadap kedua-dua belah pihak.

Jelas bahawa melalui kajian ini memberikan gambaran bahawa SISC+ mulai diterima dengan baik oleh guru-guru. Namun KPM, dengan kerjasama yang utuh dan bersepadu dengan Jabatan Pendidikan Negeri perlu meningkatkan kemahiran dan ilmu membimbing dan mentoran terhadap SISC+. Di samping itu, para guru juga perlu membuka minda untuk menerima sebarang bentuk pembaharuan yang dianggap relevan dengan keperluan pendidikan abad ke-21.

KESIMPULAN

Amalan penyeliaan bimbingan dan pementoran oleh SISC+ dapat memberikan gambaran menyeluruh tentang keberkesanan pegawai SISC+ sebagai agen perubahan terhadap PdPc guru-guru di sekolah. Dalam konteks ini, SISC+ amat digalakkan agar terus memberikan bimbingan dan pementoran yang berkualiti terhadap guru-guru. Kesan bimbingan yang berterusan dan berintegriti pasti dapat mempertingkatkan aspek profesionalisme guru-guru yang dibimbing. Selain itu, kesan bimbingan yang diberikan juga dapat dijadikan sebagai penanda aras oleh pihak sekolah untuk melaksanakan pelbagai bentuk latihan dalaman yang menjurus kepada perkembangan guru di sekolah. Penyeliaan bimbingan dan pementoran oleh SISC+ merupakan suatu amalan yang penting untuk mempertingkatkan tahap profesionalisme keguruan dalam kalangan guru. Oleh itu, dicadangkan agar kajian lanjutan yang melibatkan kesan kemahiran dan bimbingan SISC+, saiz responden

yang lebih besar dan melibatkan lebih ramai guru Bahasa Melayu sama ada di sekolah kebangsaan atau jenis kebangsaan dilakukan supaya gambaran yang menyeluruh mengenai isu ini lebih jelas.

RUJUKAN

- Aniza Ahmad & Zamri Mahamod. (2015). Tahap Kemahiran Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah dalam Melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah berdasarkan Jantina, Opsyen dan Tempat Mengajar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5 (1): 18-29.
- Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA)*. (2011). Retrieved Jun 13 Mei 2018, from <http://www.sumberpemandu.gov.my>.
- Chua Yan Piaw. (2011). *Asas Statistik Penyelidikan*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (M) Sdn. Bhd.
- Creswell, J.W. (2008). *Educational Research: Planning, conducting And Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. 2nd Edition. New Jersey: Pearson-Merill Prentice Hall.
- Jamil Ahmad. 2002. Pemupukan Budaya Penyelidikan di Kalangan Guru di Sekolah: Satu Penilaian. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2010). *Standard Guru Malaysia*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2010). *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia*. Putrajaya: Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Mohd Majid Konting. (2008). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Cetakan Kelima. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krejcie, R.V & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Education and Psychological Measurement*, 30: 607-610.
- Nieto, R.J.Rirth. (2014). *Clinical Supervision*. Boston: Houghton Mifflin.
- Saemah Rahman & Zamri Mahamod. (2016). Kreativiti dalam Pengajaran dan Pembelajaran. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Sarabiah Jusoh. (2016). Keberkesanan Bimbingan SISC+ dari Perspektif Guru Bahasa Melayu. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shamsudin Mohamad & Kamarul Azmi Jasmi. (2011). *Penyeliaan dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Syed Ismail Syed Mustapa. (2010). Amalan Bimbingan Pengajaran Pensyarah dan Guru Pembimbing dalam Program Mentoring Praktikum serta Impaknya terhadap Kualiti Guru Pelatih. Retrieved September 13, 2017, from <https://www.ukm.my/jurpend/jurnal38/7SYEDISMAILSYEDMUSTAPA.pdf>.
- Zamri Mahamod. (2014). *Inovasi P&P dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Cetakan Ketiga. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zamri Mahamod. (2016). *Psikolinguistik dan Pengajaran Bahasa*. Bangi: Penerbit Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod, Norasmah Othman & Mohammed Sani Ibrahim. (2008). *Profesionalisme Guru Novis: Model Latihan*. Bangi; Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.